

24 Mei 2016

## KENYATAAN MEDIA 2

**oleh YAB TUAN LIM GUAN ENG  
KETUA MENTERI PULAU PINANG  
pada Sidang Media selepas Mesyuarat Agong Tahunan (AGM) PBAHB  
ke 16**

### **JAMINAN BEKALAN AIR UNTUK EKONOMI BERPENDAPATAN TINGGI**

PULAU PINANG, Selasa (24/5/2016): Pulau Pinang memerlukan air yang mencukupi, 24/7, 365 hari setahun, untuk mencapai matlamat muncul sebagai ekonomi berpendapatan tinggi.

Izinkan saya membuat penjelasan: bekalan air yang mencukupi, atau jaminan bekalan air, adalah satu keperluan yang tidak boleh dirundingkan bagi ekonomi berpendapatan tinggi. Tiada negara di dunia boleh berkembang maju tanpa bekalan air yang baik dan berterusan.

Rasionalnya adalah mudah: orang ramai memerlukan bekalan air setiap hari untuk hidup. Perniagaan memerlukan bekalan air setiap hari untuk berfungsi. Oleh itu, janganlah kita berharap untuk muncul sebagai ekonomi berpendapatan tinggi jika kita tidak mempunyai air yang mencukupi.

Pada tahun 2015, Pulau Pinang telah mencapai KDNK per kapita RM42,251.00. Menurut *World Economic Forum Human Capital Report*, ekonomi berpendapatan tinggi ditakrifkan sebagai apabila KDNK per kapita mencapai USD12,467.00.

Berdasarkan kadar pertukaran US\$1 kepada RM 3.27 pada tahun 2014, nilai ambang ini akan menjadi RM40,841.00. Jadi, kita sepatutnya boleh ditakrifkan sebagai ekonomi berpendapatan tinggi pada tahun 2015.

Walau bagaimanapun, penurunan dalam nilai ringgit pada tahun 2015, disebabkan oleh faktor-faktor yang tidak relevan seperti skandal 1MDB, telah secara tidak langsung meningkatkan bar untuk Pulau Pinang kepada RM50,000.

Justeru, Pulau Pinang belum lagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, kita dalam landasan itu, dan menuju ke arah itu, kita perlu mempunyai jaminan bekalan air.

## UNJURAN PERMINTAAN AIR

Pada tahun 2015, PBAPP membekalkan purata 1014.5 juta liter air terawat sehari (JLH) di Pulau Pinang.

Pada 2040, permintaan air kita diunjur mencapai 1696 JLH. Menjelang tahun 2050, ia akan menjadi 1884 JLH. Ini adalah menurut "Kajian Pelan Induk Air Minuman Pulau Pinang sehingga 2050" satu kajian bebas yang dijalankan oleh PBAPP pada tahun 2009.

Dalam pada itu, Kerajaan CAT Pulau Pinang melaksanakan projek yang bermatlamat untuk melestarikan dan meningkatkan status Pulau Pinang sebagai hab antarabangsa utama untuk pembuatan berteknologi tinggi, perkhidmatan, pelancongan dan pemilikan harta tanah, seperti:

- *Projek Gurney Wharf;*
- *Terowong Dasar Laut Pulau Pinang;*
- *Koridor Pembangunan Seberang Perai Selatan; dan*
- *Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.*

Kita memerlukan bekalan air yang mencukupi bagi menyempurnakan projek-projek berkenaan, serta untuk memenuhi unjuran permintaan air Pulau Pinang pada masa akan datang.

## 'KEBERGANTUNGAN' KE ATAS SUNGAI MUDA TIDAK LAGI MAMPAH

Sumber air mentah utama Pulau Pinang adalah Sungai Muda, sungai yang menjadi sempadan antara Pulau Pinang dan Kedah. PBAPP kini memperolehi 80% daripada air mentah yang diperlukan oleh Pulau Pinang setiap hari daripada sungai ini, iaitu melebihi 1000 JLH atau 1 bilion liter.

Kebergantungan tinggi terhadap Sungai Muda sebagai 'satu-satunya' sumber air mentah tidak lagi mampan. Sungai Muda adalah satu sumber yang dikongsi dengan Kedah, dan kita mengabstrak air di bahagian hilir Kedah. Selain itu, kajian pelan induk 2009 juga menunjukkan bahawa

Sungai Muda hanya boleh memenuhi keperluan air mentah Pulau Pinang sehingga Tahun 2020.

Oleh itu, sejak 2011, Kerajaan Negeri dan PBAPP telah memohon Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) untuk meneroka sumber air mentah kedua bagi Pulau Pinang dan Perak.

Walau bagaimanapun, perkara berikut perlu diambil perhatian:

- a. Kerajaan Persekutuan masih tidak bertindak terhadap cadangan SPRWTS, selain meminta Pulau Pinang untuk berunding secara terus dengan Perak.
- b. Perak telah memaklumkan kepada kita bahawa mereka hanya berhasrat menjual air terawat.
- c. Pada 25 April 2016, Kerajaan Kedah mengumumkan rancangan untuk membina Empangan Naok yang bernilai RM650 juta dan Projek Penyaluran Jeniang sepanjang 23km ([www.bernama.com](http://www.bernama.com))
- d. Pada 3 Mei 2016, Kerajaan Perak mengumumkan rancangan untuk membina saluran air RM300 juta yang menghubungkan Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah. (The Malay Mail)

## **PENYELESAIAN LESTARI UNTUK MASA DEPAN**

Pulau Pinang tidak mampu menghadapi krisis air. Kita tidak boleh menunggu berlakunya krisis air. Oleh itu, kita mengambil pendekatan serampang lima untuk mewujudkan penyelesaian jaminan bekalan air yang lestari bagi masa depan Pulau Pinang:

1. Kami akan terus berusaha memastikan pelaksanaan Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) bagi meneroka sumber air mentah kedua Pulau Pinang. Saya ingin mengulangi yang berikut:
  - SPRWTS akan memanfaatkan kedua-dua Perak dan Pulau Pinang - dua negeri jiran di bahagian Utara. Ia adalah "satu penyelesaian untuk kedua-dua negeri."

- Pada tahun 2011, apabila Pulau Pinang menandatangani perjanjian untuk Inisiatif Penstruktur Semula Perkhidmatan Air Negara (NWSRI), telah dinyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kewajipan memastikan bekalan air mentah untuk Pulau Pinang terjamin.
- Sumber air mentah wilayah perlu dilindungi, dikongsi dan dioptimumkan kerana ia amat diperlukan bagi menjayakan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER).
- Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, ([www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my)) Pulau Pinang menyumbang 6.5% daripada KDNK Malaysia pada tahun 2014. Sementara itu, Kementerian Kewangan ([www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)) telah membuat anggaran nilai KDNK Malaysia pada 2015 sebagai RM1.063 trilion (pada harga tetap 2010). Oleh itu, Pulau Pinang boleh dikatakan telah menyumbang anggaran RM69.9 bilion pada tahun 2015. Berdasarkan kepada sumbangan yang sama 6.5%, dan unjuran KDNK 2016 (pada harga tetap 2010) oleh Kementerian Kewangan, Pulau Pinang akan menyumbang RM72.46 bilion pada tahun 2016.

Kedua-dua Perak dan Pulau Pinang perlukan SPRWTS agar dapat secara konsisten memberi sumbangan yang lebih kepada KDNK negara dan pembangunan negara pada masa hadapan.

2. Pulau Pinang akan terus mempertahankan hak riparian untuk mengabstrak lebih 1 billion liter air mentah sehari dari Sungai Muda.

Kita tidak berhasrat memonopoli Sungai Muda. Kita hanya mahu mengekalkan kemampuan Pulau Pinang untuk mengabstrak air mentah yang mencukupi dari sungai ini, sekarang dan pada masa akan datang.

Oleh kerana kedua-dua negeri di dalam satu negara, Kedah dan Pulau Pinang mempunyai hak yang sama ke Sungai Muda. Tiada pihak harus cuba untuk mengambil kesempatan daripada yang lain. Kesejahteraan rakyat Pulau Pinang, dan prospek untuk masa depan, adalah pertaruhannya.

3. Kita akan terus memupuk budaya jimat air domestik di Pulau Pinang. Kami akan melakukannya dengan mempertingkatkan pendidikan awam, dan jika perlu, kajian semula tarif.

Penggunaan per kapita domestik Pulau Pinang adalah yang tertinggi di Malaysia iaitu pada 291 liter/kapita/hari (l/k/h) pada tahun 2015, berbanding dengan purata kebangsaan sebanyak 210 l/k/h pada tahun 2014.

Memandangkan cabaran air yang kita terpaksa hadapi ketika ini, orang ramai perlu menggunakan air dengan bijak. Ini adalah satu perkara yang serius sekarang kerana kita perlu melindungi kepentingan keluarga dan kehidupan kita, dan juga masa depan kita.

4. Pulau Pinang akan meneroka dan membangunkan sumber air mentah baru.

Oleh kerana Pulau Pinang adalah negeri yang kecil yang mempunyai sungai dan kawasan tadahan yang terhad, PBAPP telah diarahkan untuk mencadangkan kaedah alternatif bagi penuaian air mentah untuk Pulau Pinang, berdasarkan teknologi seperti penyahgaraman, penuaian air hujan dan kitar semula air.

Kita bukanlah enggan melaksanakan teknologi tersebut. Isunya ialah kos yang tinggi; dan beban yang bakal ditanggung oleh pengguna air dalam bentuk tarif yang lebih tinggi.

Semua cadangan yang berdaya maju yang dikemukakan oleh PBAPP akan dinilai dengan teliti oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita perlu mengambil kira keutamaan daripada segi air yang mencukupi dan kemampuan.

5. Kami akan mendapatkan dana Persekutuan, seperti yang diperlukan dan dipersetujui, untuk melaksanakan projek-projek sumber air mentah untuk Pulau Pinang.

Ini adalah salah satu syarat utama dalam perjanjian yang ditandatangani di antara Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan menerusi Inisiatif Penstruktur Semula Perkhidmatan Air Negara pada tahun 2011.



Apa yang penting, Pulau Pinang perlu mengekalkan hak air mentah, menguruskan permintaan air per kapita domestik, dan meneroka sumber air mentah kedua dalam 5-7 tahun akan datang.

Hari ini, kita hidup dalam zaman perubahan iklim yang tidak menentu. "Peraturan" telah berubah. Pulau Pinang perlu memperolehi jaminan air untuk manfaat 1.663 juta penduduk dan ia semakin bertambah dan beribu-ribu perniagaan kini, dan masa depan.

Terima kasih.

---

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications & Events Management Unit  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)